

**TEKS UCAPAN**  
**Y.A.A. TUN RAUS SHARIF**  
**KETUA HAKIM NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN**  
**KOMPLEKS MAHKAMAH MUAR**

**18 JANUARI 2018 (KHAMIS)**

**10.00 PAGI**

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Ampun Tuanku,

1. Mengadap, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk, Johor Darul Ta'zim.
2. Terlebih dahulu, patik dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih, di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat, bercemar Duli untuk merasmikan Kompleks Mahkamah Muar, Di Bandar Maharani, Bandar DiRaja Johor, pada pagi yang sungguh permai ini.
3. Sesungguhnya, keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di Majlis yang bersejarah ini, amat diharapkan dan didoakan oleh patik dan seluruh warga kehakiman. Ia merupakan lambang keperihatinan yang murni, Duli Yang Maha Mulia Tuanku, terhadap perkembangan semasa Badan Kehakiman Malaysia.

4. Patik juga, dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih, atas limpah perkenan, Duli Yang Amat Mulia, Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, Yang Amat Mulia, Tunku Idris Iskandar al-Haj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor, dan Encik Dennis Muhammad, yang juga, berkenan berangkat sama, ke Majlis ini.

Ampun Tuanku,

5. Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik mohon izin, Duli Yang Maha Mulia Tuanku, untuk patik turut mengalu-alukan tetamu kehormat serta hadirin sekalian.

**Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Nordin,**

Menteri Besar Johor

**Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said,** Menteri di  
Jabatan Perdana Menteri

**Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Ramli,**

Yang DiPertua Majlis Penasihat Jumaah DiRaja Johor

**Yang Amat Arif-Yang Amat Arif**, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah dan Sarawak;

**Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohamed bin Aziz**, Speaker Negeri Johor

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri, Haji Mohamed Apandi Haji Ali**, Peguam Negara

**Yang Arif-Yang Arif**, Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, dan Pesuruhjaya Kehakiman

Yang Berhormat Ahli-Ahli Penasihat Jumaah Majlis DiRaja Johor

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor

Ketua-Ketua Jabatan Negeri Johor dan Persekutuan

Yang Berbahagia, Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Dif-dif kehormat,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

6. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu WaTaala kerana diberikan kesempatan dan peluang, untuk sama-sama berhimpun, dalam Majlis Perasmian Kompleks Mahkamah Muar.

7. Sesungguhnya, semua yang berada di Kompleks Mahkamah Muar, pastinya tertunggu-tunggu detik penuh bersejarah ini untuk menyaksikan, Majlis Perasmian Kompleks Mahkamah Muar oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, Sultan yang amat disenangi, disayangi, dan disanjung tinggi oleh seluruh rakyat. Detik terindah ini, akan sentiasa terpahat dalam jiwa, dan sanubari, warga kehakiman Malaysia, khususnya warga kerja dan penduduk-penduduk di daerah Muar, Bandar Maharani, Bandar DiRaja Johor.
  
8. Kompleks Mahkamah Muar ini, yang siap dibina pada 24 Mei 2010, dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur yang kondusif dan berteknologi tinggi, bertujuan mempertingkatkan tahap kecekapan, dalam pengendalian kes-kes, serta menjamin ketelusan dalam setiap prosiding yang dijalankan.
  
9. Adalah diharapkan Kompleks Mahkamah Muar ini, berupaya menjadi pembakar semangat, kepada semua pegawai dan kakitangan mahkamah, peguam-peguam dan semua yang terlibat dengan sistem keadilan, untuk sentiasa berusaha, meningkatkan prestasi dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Ia

sejajar dengan usaha-usaha berterusan Badan Kehakiman untuk mempertingkatkan kualiti, sistem penyampaian keadilan.

10. Sesungguhnya, pembinaan Kompleks Mahkamah Muar ini, merupakan satu lagi mercu tanda keluhuran dan kedaulatan undang-undang, dan kemajuan pentadbiran di Negeri Johor Darul Ta'zim, khususnya di daerah Muar.
11. Terima kasih diucapkan kepada agensi-agensi Persekutuan dan Negeri Johor, serta semua yang terlibat dengan pembinaan Kompleks Mahkamah Muar ini.
12. Kepada Jawatankuasa Majlis Perasmian Kompleks Mahkamah Muar, yang diketuai oleh **Yang Arif Datuk Wira Halijah Abbas, Hakim Mahkamah Tinggi Muar, Yang Berbahagia Dato' Sri Latifah Haji Mohd Tahar, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, dan Yang Berusaha Puan Sabariah Atan, Pengarah Mahkamah Negeri Johor**, tahniah dan terima kasih atas pengelolaan majlis ini.

13. Didoakan, semoga majlis yang gilang-gemilang, lagi bersejarah pada pagi ini, menjadi ingatan manis, serta pencetus kepada kemajuan, bukan sahaja kepada warga kehakiman di negeri Johor yang bertuah ini, tetapi juga, kepada semua lapisan masyarakat.
  
14. Di kesempatan ini, Ahli Jawatankuasa Majlis Perasmian Kompleks Mahkamah Muar, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, kepada semua Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, badan-badan berkanun, dan semua pihak, yang telah memberi kerjasama dalam pelbagai bentuk, dalam menjayakan Majlis Perasmian Kompleks Mahkamah Muar, pada hari ini. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, agar segala usaha yang dilakukan ini, mendapat kerahmatan, dan barakah sepanjang masa, mendatangkan manfaat kepada semua pihak, di dunia dan di akhirat. Mudah-mudahan, kita dikurniai kekuatan untuk terus berbakti kepada Agama, Bangsa dan Negara.

Ampun Tuanku,

15. Demikianlah tadi, sembah ucapan patik, dan patik mewakili Badan Kehakiman Malaysia, berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wataala, semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku, bertambah-tambah daulat, kemuliaan, dan kebesaran, serta dianugerahi kesihatan dan dilanjutkan usia zaman pemerintahan Duli Tuanku, di atas takhta Kerajaan, memerintah dengan adil dan saksama, sebagai pelindung keamanan dan kesejahteraan rakyat.

16. Demikianlah juga, patik sekalian berdoa, ke hadrat Allah Subhanahu WaTaala, semoga:

(a) Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor;

(b) Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, dan, Yang Mulia Che' Puan Khaleeda binti Bustamam;

(c) Yang Amat Mulia, Tunku Idris Iskandar Al-Haj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor; dan,

(d) Yang Amat Mulia Paduka Putera-Putera dan Puteri, serta, seluruh Kerabat Diraja sekaliannya;

sentiasa berada dalam keadaan sihat wal'afiat, dan dilanjutkan usia oleh Allah Subhanahu WaTaala.



Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum  
warahmatullahi, wabarakatuh.

Ampun Tuanku.